

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' JOHARI BIN ABDUL  
[SUNGAI PETANI]**

**TARIKH :**

**SOALAN :**

**YB Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-**

- (i) berapakah jumlah doktor-doktor pelatih, doktor Gigi dan Pharmasis yang telah mendaftar dengan Kementerian sehingga Disember 2015 tetapi belum ditempatkan di hospital-hospital; dan
  
- (ii) kenapakah mereka ini lambat ditempatkan dan adakah masalah kewangan menjadi salah satu sebab kelewatan ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

(i) Sehingga Februari 2016, seramai 812 calon Pegawai Perubatan Siswazah Gred UD41 yang telah berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) dan telah dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Manakala, penempatan mereka akan dilaksanakan pada April 2016. Seramai 759 orang graduan perubatan akan dipanggil untuk hadir temuduga pada bulan Mac 2016.

Bagi Pegawai Farmasi, untuk tempoh Januari 2015 hingga Februari 2016, seramai 1,580 graduan telah mendaftar dengan Lembaga Farmasi Malaysia (LFM). Pada tahun 2015, seramai 1,018 graduan telah dilantik dan baki graduan akan dilantik selaras dengan perancangan dan keperluan pengambilan pada tahun 2016.

Bagi Pegawai Pergigian pula, untuk tempoh Januari 2015 hingga Februari 2016, seramai 1,079 graduan telah mendaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia. Pada tahun 2015, seramai 504 graduan telah dilantik dan baki graduan akan dilantik selaras dengan perancangan dan keperluan pengambilan pada tahun 2016.

(ii) Pelantikan PPS dibuat setiap dua (2) bulan dan setelah dilantik, pemilihan hospital untuk penempatan latihan siswazah adalah dibuat sendiri oleh doktor pelatih secara atas talian melalui e-houseman. Sehingga Januari 2016, seramai 9,143 (84.4 peratus) orang PPS telah mengisi jawatan berbanding jawatan sedia ada sebanyak 10,835 di 44 buah Hospital Latihan Siswazah. Oleh kerana pengisian perjawatan yang hampir penuh terutama di

hospital di bandar-bandar besar, maka graduan perubatan terpaksa menunggu lebih lama bagi memulakan latihan siswazah. Jika graduan berhasrat untuk ditempatkan di hospital di luar Lembah Klang dan di pedalaman yang mempunyai banyak kekosongan, maka graduan lebih senang memperolehi penempatan. Dianggarkan 20 peratus hingga 30 peratus PPS tidak dapat menamatkan latihan dalam dua (2) tahun atas pelbagai sebab, misalnya cuti sakit, cuti bersalin, tidak melengkapkan buku log dan sebagainya. Keadaan ini telah menyebabkan kekosongan jawatan berkurangan dan lantikan PPS baru juga terhalang.

Disebabkan tiada penambahan perjawatan baru Pegawai Farmasi bagi tahun 2015 dan 2016, maka pengambilan dibuat berdasarkan kekosongan semasa dan sedia ada di KKM. Jawatan bagi kedua-dua skim ini adalah berdasarkan gred flexi iaitu U41/44/48/52/54. Sehubungan itu, penempatan bagi pegawai lantikan baru Gred U41 perlu dilaksanakan mengikut fasiliti yang bersesuaian sahaja dan memenuhi syarat yang ditetapkan oleh LFM iaitu (1) *Preceptor* (Pengajar) kepada empat (4) *Provisionally Registered Pharmacist* (PRP). Graduan farmasi didapati lebih berminat untuk menjalani latihan siswazah di fasiliti kerajaan berbanding di premis swasta yang telah diiktiraf oleh Lembaga Farmasi Malaysia (LFM), walaupun perjawatan di sektor awam adalah terhad kerana gaji dan elaun yang ditawarkan, laluan kerjaya yang menarik serta latihan klinikal yang intensif.

Bagi jawatan pegawai pergigian 391 gred U41 telah diwujudkan secara tukar ganti (*trade off*) dengan 502 jawatan pelbagai skim supaya urusan pengambilan pegawai pergigian yang telah berdaftar dengan MPM tetapi masih belum dilantik ke dalam perkhidmatan awam dapat dilaksanakan.